

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Pelaksanakan Virtual Innovation Project (VIP): Program 'Online Onboarding Coaching Programme' (E-BOARD) bersama pakar luar untuk meningkatkan penggunaan kemahiran digital melalui penggunaan platform online (e-dagang, media sosial dan aplikasi komunikasi).
TARIKH	:	Julai – Oktober 2021 (4 bulan)
UNIT / BAHAGIAN	:	PER / OED
BAJET	:	Peruntukan Usahasama APO
KOS YANG TERLIBAT / PERUNTUKAN	:	RM 30,000.00 (RM1,500.00 x 1 orang x 20 syarikat PKS terpilih)
OBJEKTIF & IMPAK		1. Menjalin kolaborasi dengan Pakar dalam bidang yang terlibat bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan syarikat terpilih dalam program digitalisasi perniagaan; 2. Memberi pendedahan mengenai penggunaan platform digital di kalangan syarikat dalam melaksanakan intervensi projek penambahbaikan; 3. Melaksanakan aktiviti 'coaching' dan pemantauan secara intensif bagi projek-projek penambahbaikan peningkatan produktiviti & inovasi.
KAEDAH & IMPAK KEPADA RAKYAT		1. Meningkatkan Outreach – Program akan memilih syarikat di kalangan PKS yang layak dan memperkenalkan kepentingan digitalisasi dalam syarikat. 2. <i>Pilot</i> Program – Program ini akan dijadikan 'pilot' untuk pelaksanaan program menggunakan platform media sosial dalam meningkatkan Nilai Tambah 3. Memberi Impak Projek – Program ini berpotensi bagi mendapatkan impak (peningkatan jualan) pada setiap projek yang dilaksanakan. Program dijalankan secara atas talian (Online) <u>SEPENUHNYA</u>.
SASARAN PESERTA	:	Terbuka kepada syarikat PKS - melibatkan 20 syarikat PKS terpilih sahaja.
BAKI PERUNTUKAN YANG ADA/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN / TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN

PELAKSANAKAN VIRTUAL INNOVATION PROJECT (VIP): PROGRAM 'ONLINE ONBOARDING COACHING PROGRAMME' (E-BOARD) BERSAMA PAKAR LUAR UNTUK MENINGKATKAN PENGGUNAAN KEMAHIRAN DIGITAL MELALUI PENGGUNAAN PLATFORM ONLINE (E-DAGANG, MEDIA SOSIAL DAN APLIKASI KOMUNIKASI)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat kelulusan pihak Pengurusan MPC untuk Pelaksanakan Virtual Innovation Project (VIP): Program 'Online Onboarding Coaching Programme' (E-BOARD) bersama pakar luar untuk meningkatkan penggunaan kemahiran digital melalui penggunaan platform online (e-dagang, media sosial dan aplikasi komunikasi).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan 'Malaysia Digital Economy Blueprint' (MyDigital), MPC turut mendukung aspirasi negara untuk membantu meningkatkan penggunaan digital serta menggalakkan penggunaan teknologi bagi peningkatan daya saing peringkat enterprise dan industri. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MPC adalah seperti khidmat nasihat, intervensi 4.0, Penilaian Kesediaan Industry4WRD, Productivity 1010, AI4S, IoT Plugfest dan juga Negeri Produktif di mana semuanya telah dijalankan secara online.
- 2.2 Menurut Laporan Daya Saing Digital IMD, Malaysia berada di kedudukan yang sama pada 2019 dan 2020, iaitu di tangga ke-26. Laporan ini melihat tiga (3) faktor utama iaitu dari segi Pengetahuan (*Knowledge*), Teknologi (*Technology*) dan Kesediaan Masa Hadapan (*Future Readiness*). Dalam Sub-Factors bagi Faktor Teknologi memperlihatkan Malaysia pada kedudukan yang rendah seperti Teknologi Komunikasi, berada di kedudukan 42 dan Penggunaan Internet, di kedudukan 41.
- 2.3 Melihat dari Laporan Global Competitiveness Report (GCR) 2019, kedudukan Malaysia berada pada tangga ke-30 bagi adaptasi ICT manakala menurut Kaji Selidik mengenai Kesedaran Insentif Digital memberi maklumbalas sebanyak 62% masih tidak mengetahui mengenai insentif yang disediakan.
- 2.4 Keperluan untuk melonjakkan industri ke arah digitalisasi ini juga penting. Ianya bersesuaian dengan petikan Ucapan YAB Perdana Menteri semasa Sesi Dialog bersama Industri, MITI. Beliau menyentuh mengenai keperluan segera untuk mengerakkan agenda inklusif digital dan boleh dimanfaatkan oleh semua pihak untuk berhubung secara digital. Ianya termasuk pengukuhan teknologi dan infrastruktur bagi memudahkan perniagaan.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Perancangan pelaksanaan program adalah seperti berikut :

PERKARA	KETERANGAN
Tempoh Program	Dilaksanakan selama 4 bulan (Julai – Oktober 2021)
Komponen	- Peserta terlibat perlu menjalani penilaian awal bagi melihat kefahaman serta komitmen dalam menyertai program ini. - Pengenalan 'e-Marketplace' akan dilaksanakan selama 2 hari di mana peserta akan mempelajari kepelbagaian platform online yang boleh digunakan seperti e-dagang, media sosial dan aplikasi komunikasi. - Latihan dan Coaching – Program akan dijalankan selama 3 bulan untuk melihat kemahiran mengendalikan platform secara online. i. Latihan Asas – 2 hari ii. Latihan Lanjutan (Advanced) / Coaching (<i>One-on-One Coaching</i>) - 6 kali sesi akan dilaksanakan setiap bulan selama 3 bulan (1 sesi Coaching = 4 jam)
Mode Program / Medium	- Dijalankan secara Online sepenuhnya - Pemantauan akan dijalankan oleh Pegawai MPC untuk syarikat di Lembah Klang sahaja.
Sasaran Output	Jangkaan peningkatan hasil jualan syarikat sebanyak 20% selepas program tamat.
Pemantauan	Projek akan dipantau oleh MPC & Pakar yang dilantik
Alat/Tools	- Peserta/Organisasi akan didedahkan dengan e-dagang, media sosial dan aplikasi komunikasi: Shopee, Lazada, Facebook, Instagram, Whatsapp Business dan lain-lain. - Ianya akan digunakan untuk aspek penggunaan teknologi, pemasaran, penghasilan <i>Value-Added</i> dalam produk/perkhidmatan dan sebagainya.



4.0 KOLABORASI BERSAMA PAKAR

- 4.1 MPC akan bekerjasama dengan pakar yang dilantik bagi menjalankan program pembangunan kapasiti melalui latihan dan bimbingan.
- 4.2 Jalinan Kerjasama (MoU) bersama Pakar yang dilantik bagi memastikan program yang dilaksanakan memberi impak yang baik kepada syarikat terlibat selaras dengan hasrat dan inisiatif negara ke arah penggunaan teknologi yang lebih baik.
- 4.3 Pemilihan syarikat akan dibuat oleh MPC sepenuhnya. Kerjasama antara PER dan Nexus Produktiviti akan dijalankan bagi mengenal pasti syarikat PKS yang layak untuk menyertainya.
- 4.4 Rangka Kerja dan aktiviti adalah mengikut rantai nilai Intervensi Projek seperti Penilaian, Latihan Micro Learning dan Amalan Terbaik.

5.0 IMPLIKASI & FAEDAH PROGRAM

- 5.1 Cabaran Perniagaan - Membantu enterprise dalam mengadaptasikan norma baharu perniagaan berdasarkan kesan daripada pandemik Covid-19 yang berlaku.
- 5.2 Pengukuran - Mengenalpasti ruang dan peluang penambahbaikan dalam organisasi serta membantu meningkatkan keupayaan syarikat.
- 5.3 Kualiti – Khidmat Perundingan dari pakar yang berpengalaman dalam perniagaan sebenar yang akan membimbing serta memantau prestasi program.
- 5.4 Sasaran Outcome – Menyediakan latihan, coaching secara intensif dalam membantu meningkatkan hasil jualan.
- 5.5 Perundingan – Mengenalpasti cabaran dan isu yang dialami dan mengatasinya melalui adaptasi teknologi termasuk memperkenalkan intervensi strategik.
- 5.6 Kos yang efektif – Menawarkan pakej program yang komprehensif kepada industri khususnya usahawan.
- 5.7 Kelestarian - Adaptasi teknologi ini boleh menjadi pemangkin dalam memacu aktiviti berkaitan dengan Revolusi Perindustrian 4.0

6.0 SASARAN PESERTA

- 6.1 Terbuka kepada syarikat PKS.
- 6.2 Sasaran penyertaan dan pemilihan syarikat – 20 syarikat sahaja.
- 6.3 Bersetuju memberi komitmen dalam pelaksanaan program dan perlu menandatangani Surat Setuju Terima yang diberikan.
- 6.4 Mengenal pasti projek yang bersesuaian dengan syarikat.

7.0 CARTA PERANCANGAN



8.0 KOS TERLIBAT


8.1 Berikut adalah pecahan kos berhubung pelaksanaan program e-Board. Pemilihan syarikat yang layak akan dijalankan oleh Seksyen PER serta Nexus Produktiviti.

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Program merangkumi perkara berikut: - Penambahan Outreach Program - Penyertaan 20 syarikat - Sesi webinar, Latihan secara Online dan platform - Bayaran Tenaga Pakar (One-on-One Coaching) - Showcase projek penambahbaikan (APIC / VIS 2021) - Kos seorang peserta – RM1,500.00 - Tempoh program selama 4 bulan (Julai-Sept 2021)	30,000.00
JUMLAH		30,000.00


9.0 PENUTUP

9.1 Kelulusan pihak pengurusan MPC diperlukan bagi Pelaksanakan Virtual Innovation Project (VIP): Program 'Online Onboarding Coaching Programme' (E-BOARD) bersama pakar luar untuk meningkatkan penggunaan kemahiran digital melalui penggunaan platform online (e-dagang, media sosial dan aplikasi komunikasi) dengan jumlah kos terlibat sebanyak RM30,000.00. Peruntukan bajet adalah dari bajet Usahasama APO.

Disediakan oleh:


 (Mohd Khairul Nazir Nawi)
 Pengurus
 Perbadanan Produktiviti
 Malaysia (MPC)

Disemak oleh:


 (Safinwati Jasri)
 Pengurus Kanan
 Perbadanan Produktiviti Malaysia
 (MPC)

Disokong oleh:


 (Saliza Saari)
 Pengarah
 Perbadanan Produktiviti
 Malaysia (MPC)